

20 SEP 2002

BELANJAWAN- CUKAI JALAN

KAJIAN SEMULA CUKAI JALAN KE ATAS SEMI-TRELER PELBAGAIGUNA DAN PRIME MOVER

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan mencadangkan kajian semula cukai jalan ke atas semi-treler pelbagaiguna dan kepala lori (prime mover) dibuat bagi menggalakkan industri pengangkutan negara di samping mengurangkan kos pengangkutan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata demikian ketika membentangkan belanjawan 2003 di Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, antara pindaan yang dicadangkan ialah :

- * Cukai jalan ke atas semi-treler pelbagaiguna dihapuskan

- * Cukai jalan ke atas prime-mover pelbagaiguna dipinda daripada hanya berasaskan kerb weight sahaja kepada berasaskan berat kasar digabungkan, iaitu berat prime mover dan semi-treler dan kapasiti muatan kenderaan

- * Cukai jalan ke atas semi-treler untuk kontena sebanyak RM90 dihapuskan, dan

- * Cukai jalan ke atas prime mover untuk kontena dikekalkan berdasarkan kerb weight sahaja.

Dr Mahathir berkata, cadangan ini akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2003.

Pada masa ini, cukai jalan ke atas semi-treler pelbagaiguna dan kepala lori pelbagaiguna dikenakan secara berasingan.

Di samping itu, cukai jalan ke atas semi-treler pelbagaiguna mengambil kira berat kepala lori pelbagaiguna. Ini menjadikan cukai jalan ke atas semi-treler pelbagaiguna lebih tinggi daripada kepala lori pelbagaiguna.

Katanya ketika ini struktur cukai jalan yang tinggi ke atas semi-treler pelbagaiguna tidak menggalakkan syarikat pengangkutan memiliki banyak treler pelbagaiguna. -- BERNAMA

SHI OS